

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

INTERNATIONAL CONSTRUCTION WEEK (ICW 2015) KALI KE-15 SEBAGAI MEMPROMOSI PLATFORM PEMBINAAN MAMPAN

11 JUN, 2015 | KUALA LUMPUR: CIDB Malaysia akan menganjurkan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW 2015) kali ke-15 yang akan menjadi platform pertukaran pengalaman dan pengetahuan kepada industri pembinaan di negara ini supaya lebih mampan dan produktif.

Acara tahunan yang menghimpunkan kesemua segmen penggiat industri pembinaan seperti kontraktor, pembekal, pemaju, arkitek, perunding pembinaan dan akademia ini bertujuan untuk berkongsi idea dan memperkenalkan teknologi baru dalam pembinaan untuk peningkatan kecekapan produktiviti industri pembinaan.

ICW 2015 akan berlangsung pada 7-11 September 2015 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ini dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak. Acara ini turut mendapat kerjasama UBM Asia yang menganjurkan program Ecobuild Southeast Asia 2015 yang akan membuka peluang perniagaan kepada pemain industri pembinaan tempatan untuk meneroka pasaran pembinaan di peringkat antarabangsa menerusi padanan perniagaan (*business matching*) membabitkan pelaburan antarabangsa dengan sokongan dan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Dengan jangkakan 15,000 pengunjung dan penyertaan dari luar negara seperti United Kingdom, German, Ghana, Guinea, Australia, New Zealand, Myanmar, Thailand dan Indonesia, ICW 2015 turut menampilkan kelainannya pada tahun ini apabila 300 pempamer dari 24 negara akan memperkenalkan beberapa teknologi baru dalam industri pembinaan termasuklah mengoptimumkan penggunaan teknologi *Building Information Modeling (BIM)* selain peluang dalam sektor nuklear.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim berkata ICW 2015 dilihat sebagai gerbang dan platform kepada penggiat industri tempatan dan serantau untuk mempromosikan kepakaran, perkhidmatan dan produk mereka kepada dunia disamping mengumpul maklumat dan membina jaringan dengan penggiat industri daripada negara lain serta berkongsi pengalaman dengan mereka.

Beliau juga meminta agar penggiat industri mengambil peluang daripada ICW 2015 ini untuk meneroka penggunaan teknologi ICT seperti BIM yang dilihat berupaya meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka, selain mempertingkatkan kegunaan *Industrialised Building Systems (IBS)* dan mekanisasi.

"Sejajar dengan tema ICW 2015 tahun ini, *'Building a Greener Future'* saya berharap agar peluang yang terdapat dalam penganjuran ICW 2015 kali ini digunakan sepenuhnya oleh penggiat industri tempatan untuk lebih mampan dan produktif," katanya.

Sebanyak tujuh seminar utama yang menjadi daya tarikan utama ICW 2015 kali ini iaitu:

1. *Construction Contract Management Conference for The Built Environment 2015*
2. *1st ASEAN Construction Summit 2015*
3. *2nd AWAM International Conference in Civil Engineering*
4. *Institution of Fire Engineers Conferene 2015*
5. *Konvensyen Usahanita Binaan 2015 (KUBINA)*
6. *International BIM Day*
7. *Open Ideas Competition 2015*

Selain itu ICW 2015 turut menawarkan 40 bengkel percuma yang akan membincangkan beberapa topik menarik seperti teknologi hijau, bandar pintar, pengurusan sisa pembinaan dan banyak lagi.

Kemuncak kepada penganjuran ICW 2015 adalah Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA) untuk mengiktiraf pencapaian syarikat dan tokoh pembinaan dalam pembinaan negara.

-Akhir-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi CIDB Malaysia:

Noryani Ismail (noryani@cidb.gov.my)
03-40477027/019-2856867;

Abdul Rakis Santa (rakis@cidb.gov.my)
03-40477008/012-6200360

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.